

03 SEP 2001

Najib-Lee

NAJIB BERI PENJELASAN MENGENAI KMM KEPADA LEE KUAN YEW

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini memberi penjelasan kepada Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew mengenai ancaman Kumpulan Militan Malaysia (KMM) serta langkah yang diambil oleh Malaysia untuk membendung aktiviti kumpulan itu.

Majlis itu berlangsung selama 40 minit di hotel pengindapan Lee di sini.

Lee tiba semalam untuk lawatan empat hari bagi meningkatkan hubungan antara Singapura dan Malaysia.

Menurut Najib, Lee telah menyatakan bahawa kemunculan kegiatan militan Islam merupakan fenomena yang berlaku di seluruh dunia dan beliau memuji pendirian sederhana Malaysia mengenai Islam.

"Beliau (Lee) menghargai interpretasi Malaysia mengenai Islam," kata Najib kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Beliau berkata Lee menganggap interpretasi Malaysia mengenai Islam adalah lebih toleran memandangkan adanya peningkatan trend pelampau Islam yang radikal di rantau ini.

Awal bulan lepas, polis Malaysia menahan 10 orang mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana didakwa terbabit dalam aktiviti KMM yang mengancam keselamatan negara.

Seorang rakyat Malaysia, Taufik Abdul Halim, 26, yang ditahan di Indonesia bersabit letupan bom di dua buah gereja dan sebuah kompleks membeli-belah, juga disyaki oleh pihak berkuasa Malaysia sebagai anggota KMM.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipetik sebagai berkata Sabtu lepas bahawa KMM mahu menubuhkan apa yang dipanggil sebuah negara Islam melalui penyatuan tiga buah negara -- Malaysia, Indonesia dan Filipina.

Najib berkata beliau juga menjelaskan kepada Lee mengenai rangkaian KMM di rantau ini.

Katanya beliau memaklumkan kepada Lee mengenai pendirian Kuala Lumpur terhadap KMM dan memberi jaminan bahawa kedudukan kerajaan Malaysia adalah "mantap dan kukuh daripada segi politik dan ekonomi".

Najib berkata Lee juga memberitahunya bahawa aktiviti Islam di Singapura telah meningkat dan mahu kedua-dua negara terus menggabungkan hubungan sedia ada serta meningkatkan rundingan dua hala.

Najib berkata mereka berdua juga berbincang mengenai pentingnya Malaysia dan Singapura mengadakan lebih banyak perbincangan formal dan tidak formal serta dialog "untuk lebih memahami pemikiran kedua-dua pihak".

Najib juga berkata kedua-dua negara wajar memperkukuh integrasi untuk berhadapan dengan cabaran ekonomi pada masa akan datang.

"Malaysia dan Singapura patut bersaing dengan sihat untuk manfaat bersama dan tidak menganggap satu sama lain secara negatif," kata Najib.

Ditanya sama ada isu penggunaan ruang angkasa Malaysia oleh Tentera Udara Republik Singapura dibincangkan, Najib berkata ia tidak berbangkit pada pertemuan itu.

Katanya terpulang kepada Lee untuk membangkitkan perkara itu dan isu-isu tertangguh lain antara kedua-dua negara dengan Dr Mahathir.

Lee dijadual menemui Dr Mahathir di Putrajaya esok.

Lee melawat Malaysia pada Ogos tahun lepas dan ketika itu beliau dan Dr Mahathir membincangkan pakej isu dua hala yang kadang-kala menegangkan hubungan kedua-dua buah negara.

Isu-isu dalam pakej itu ialah perjanjian baru bekalan air dengan Singapura, penempatan semula Pusat Pemeriksaan Kastam Malaysia dari Stesen Keretapi Tanjung Pagar, pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad di Singapura dan pengeluaran simpanan pekerja Semenanjung Malaysia dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat.

Selepas pertemuan dengan Najib, Lee menemui Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

Ketika ditemui oleh pemberita selepas pertemuan itu, Rais berkata pertemuan beliau dengan Lee adalah atas sifat peribadinya.

-- BERNAMA

DC ES LAT